



14 Januari 2025
14 January 2025
P.U. (A) 19

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) 2025

STAMP DUTY (EXEMPTION) ORDER 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) 2025**.
(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan surat cara yang dinyatakan dalam Jadual bagi pembelian rumah pangsa di bawah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disempurnakan mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027 daripada duti setem.

JADUAL

[Perenggan 2]

Tafsiran

Dalam Jadual ini—

“institusi kewangan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepada “banker” oleh seksyen 2 Akta;

“Skim Pembiayaan Khas” ertinya kemudahan pinjaman yang disediakan oleh Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan yang dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Wilayah Persekutuan.

(1) Bil.	(2) Skim	(3) Surat cara
1.	Skim Pembiayaan Khas	<ul style="list-style-type: none"> (a) Perjanjian jual beli antara Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (b) Perjanjian jual beli antara seorang pembeli dengan Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (c) Perjanjian pinjaman antara seorang pembeli dengan Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (d) Surat cara pindah milik antara seorang pembeli dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
2.	Apa-apa skim selain Skim Pembiayaan Khas	<ul style="list-style-type: none"> (a) Perjanjian jual beli antara seorang pembeli dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (b) Perjanjian pinjaman antara seorang pembeli dengan suatu institusi kewangan (c) Surat cara pindah milik antara seorang pembeli dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Dibuat 9 Januari 2025

[MOF.TAX.700-3/2/115; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-410; PN(PU2)159/JLD.38]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [*Act 378*],
the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) Order 2025**.
- (2) This Order has effect from 1 January 2025 to 31 December 2027.

Exemption

2. The Minister exempts the instruments specified in the Schedule for the purchase of a flat under the National Economic Action Council People's Housing Programme and Kuala Lumpur City Hall Public Housing executed from 1 January 2025 to 31 December 2027 from stamp duty.

SCHEDULE

[Paragraph 2]

Interpretation

In this Schedule—

“financial institution” has the same meaning as assigned to “banker” by section 2 of the Act;

“Special Financing Scheme” means the loan facility provided by Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan which is fully owned by Yayasan Wilayah Persekutuan.

(1) No.	(2) Scheme	(3) Instrument
1.	Special Financing Scheme	<p>(a) Sale and purchase agreement between Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan and Kuala Lumpur City Hall</p> <p>(b) Sale and purchase agreement between a purchaser and Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan</p> <p>(c) Loan agreement between a purchaser and Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan</p> <p>(d) Instrument of transfer between a purchaser and Kuala Lumpur City Hall</p>
2.	Any scheme other than Special Financing Scheme	<p>(a) Sale and purchase agreement between a purchaser and Kuala Lumpur City Hall</p> <p>(b) Loan agreement between a purchaser and a financial institution</p> <p>(c) Instrument of transfer between a purchaser and Kuala Lumpur City Hall</p>

Made 9 January 2025

[MOF.TAX.700-3/2/115; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-410; PN(PU2)159/JLD.38]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II